

***Gomphrena pulchella* – Tanaman saka berbunga cantik untuk hiasan taman**

(*Gomphrena pulchella* – Beautiful perennial flowering plant for garden decoration)

Hanim Ahmad, Hamdan Mohd Noor, Zulhazmi Sayuti dan Muhammad Aliff Fitri Azali

Pengenalan

Tumbuhan saka ialah tanaman yang mempunyai jangka hayat melebihi setahun dengan kadar pertumbuhan cepat. Pada masa kini, tanaman saka sering dijadikan pilihan sebagai tanaman hiasan di dalam ruangan laman mahupun di luar bangunan. Biasanya, spesies tanaman saka ditanam di dalam bekas dan digunakan sebagai hiasan landskap taman. Tanaman saka sesuai ditanam secara monokultur di dalam taman selaku tanaman di tepian laluan pejalan kaki, tanaman pagaran dan hamparan bagi mendapatkan kesan warna bunga yang menarik.

Terdapat banyak jenis tanaman saka yang berasal dari luar negara atau lebih dikenali sebagai tanaman eksotik telah diperkenalkan di kawasan landskap taman di negara ini. Misalnya bunga lantana (*Lantana camara*), otacanthus (*Otacanthus caeruleus*), bunga pentas (*Pentas lanceolata*) dan ruellia (*Ruellia brittoniana*). Kebiasaannya, tanaman saka eksotik yang telah diperkenalkan di negara ini digunakan secara meluas sebagai tanaman hiasan di dalam taman dan digemari ramai. Namun begitu, banyak lagi tanaman saka eksotik yang berpotensi sebagai tanaman hiasan di negara ini masih belum dieksploitasi sepenuhnya.

Untuk memperkenalkan tanaman saka eksotik baharu, penyelidikan terhadap potensi spesies eksotik untuk beradaptasi dan tumbuh di kawasan taman di negara ini telah dilaksanakan. Kajian yang telah dijalankan di MARDI, Serdang dalam Rancangan Malaysia Ke-11 menunjukkan bahawa spesies eksotik iaitu *Gomphrena pulchella* yang dikeluarkan oleh *Pan American Seed* berjaya ditanam sebagai tanaman hiasan di dalam taman.

Botani dan morfologi

Gomphrena pulchella atau bunga butang merupakan sejenis tanaman saka eksotik popular yang digunakan dalam landskap taman. Ia tergolong dalam keluarga Amaranthaceae dan berasal dari Amerika. Kajian adaptasi dan penanaman di MARDI menunjukkan spesies eksotik ini boleh tumbuh dengan baik dan berupaya mengeluarkan bunga menarik. Dari segi morfologi, *Gomphrena pulchella* merupakan tanaman yang rendah, berbatang sederhana keras, tumbuh menegak dan banyak cabang. Tingginya boleh mencapai sehingga 85 cm, dengan silira berbentuk bulat boleh mencapai hingga 30 cm lebar. Daunnya berwarna hijau,

bertekstur sederhana lembut, tersusun bertentangan dan berbentuk bujur runcing. Bunganya berwarna merah jambu, berbentuk bulat, berukuran 4 cm diameter dan mengandung banyak biji benih.

Kegunaan

Gomphrena pulchella amat sesuai dijadikan tanaman hiasan di dalam pasu atau bekas tanaman dan ditanam di kawasan taman terbuka (Gambar 1). Penggunaannya di kawasan taman terbuka sama ada ditanam secara monokultur atau bergabung dengan tumbuhan saka yang lain adalah sesuai memandangkan *Gomphrena pulchella* tahan pada pancaran matahari terus (Gambar 2, Gambar 3 dan Gambar 4). Selain itu, spesies eksotik ini dapat memikat serangga berguna iaitu lebah terutamanya pada waktu tengah hari (Gambar 5).



(a)

(b)

Gambar 1. (a) *Gomphrena pulchella* sesuai ditanam di dalam pasu dan (b) bekas tanaman



Gambar 2. Tanaman *Gomphrena pulchella* sesuai ditanam di ruang terbuka secara monokultur



(a)



(b)

Gambar 3. *Gomphrena pulchella* ditanam secara bercampur dengan tumbuhan herba saka seperti (a) *Asclepias*, *Ocimum* dan *Orthosiphon* dan (b) *Ruellia* serta *Turnera* dalam satu komuniti tanaman



Gambar 4. Gabungan bunga warna merah jambu yang dihasilkan oleh *Gomphrena pulchella* dan bunga berwarna kuning yang dihasilkan oleh *Zinnia linearis* dan *Helenium amarum* menyerlahkan lagi impak landskap taman



Gambar 5. Bunga *Gomphrena pulchella* memikat serangga pendebunga di kawasan taman

Pembiakan

Gomphrena pulchella boleh dibiak dengan menggunakan biji benih atau keratan batang. Medium penyemaian biji benih yang sesuai digunakan terdiri daripada campuran satu bahagian tanah atas, dua bahagian *peatmoss* dan satu bahagian pasir. Biji benih *Gomphrena pulchella* (bersaiz sederhana besar) perlu digaul dengan pasir halus pada kadar satu bahagian benih dan empat bahagian pasir sebelum ditabur di atas permukaan

medium penyemaian. Biji benih yang sudah ditabur ditutup dengan selapis nipis medium dan disiram. Biasanya, biji benih mengambil masa 5 – 10 hari untuk bercambah. Apabila anak benih di dalam bekas semaian sudah mencapai 8 – 10 cm tinggi, berkeadaan sihat dan mempunyai 7 – 8 helai daun, ia hendaklah dipindahkan ke dalam polibeg atau bekas tanaman.

Untuk pembiakan secara keratan, batang separa keras, berukuran 10 cm panjang dan mempunyai 3 – 5 helai daun yang dipotong separuh sesuai digunakan untuk dibiak di dalam medium pasir atau perlit. Keratan batang yang berakar, berumur 1 – 2 minggu dan berkeadaan sihat boleh dipindahkan ke dalam polibeg atau bekas tanaman.

Medium campuran yang terdiri daripada tiga bahagian tanah atas, dua bahagian bahan organik (tanah gambut atau *cocopeat*) dan satu bahagian pasir sesuai digunakan untuk penanaman. Selepas 3 – 4 minggu pemindahan, tanaman boleh dipindahkan ke kawasan taman yang menerima pancaran matahari secukupnya.

Penanaman

Ruang laman taman terbuka (disyorkan menerima pancaran cahaya matahari penuh) untuk penanaman *Gomphrena pulchella* perlu dibersihkan supaya kerja-kerja menanam mudah dilaksanakan. Rumpai perlu diracun atau dicabut. Sekiranya ada ketulan batu-batu yang tidak diperlukan, ia perlu dikumpul dan dibuang. Benih yang telah mencapai ketinggian 15 – 20 cm di dalam polibeg atau pasu boleh digunakan sebagai bahan tanaman.

Tapak penanaman hendaklah digemburkan supaya menjadi peroi sedalam 10 – 15 cm. Jika keadaan tanah kurang subur, tambah permukaan tapak penanaman dengan tanah campuran yang sesuai iaitu tiga bahagian tanah atas, dua bahagian organik dan satu bahagian pasir. Jarak tanaman yang sesuai digunakan ialah 25 cm x 25 cm di antara pokok.

Secara amnya, kadar pertumbuhan *Gomphrena pulchella* di kawasan taman adalah cepat. Biasanya, tanaman di kawasan landskap terbuka mempunyai jangka hayat yang panjang, melebihi 12 bulan dan perlu diselenggara dengan rapi. Bahan tanaman yang mati di peringkat awal penanaman perlu ditanam semula bagi mendapatkan komuniti tanaman yang menarik di dalam taman.

Pengurusan

Penyiraman

Penyiraman tanaman hendaklah dilakukan dua kali sehari iaitu pada waktu pagi dan petang kecuali pada hari hujan. Siraman air yang cukup menjadikan tanaman sihat, tumbuh subur dan mengeluarkan bunga-bunga yang bermutu.

Pengawalan rumpai

Rumpai yang tumbuh di kawasan penanaman *Gomphrena pulchella* perlu dibuang secara manual (mencabut) di peringkat awal pertumbuhan tanaman. Rumpai yang tidak dikawal akan bersaing dengan tanaman dan boleh mendominasi kawasan taman. Penggunaan sungkupan seperti *cocofibre* dan cip kayu terawat adalah disyorkan bagi menghalang pertumbuhan anak benih rumpai di peringkat awal pertumbuhan tanaman.

Pembajaan

Tanaman *Gomphrena pulchella* perlu dibaja dengan menggunakan baja sebatian NPK 15:15:15 sebanyak 15 g/m² selepas 1 – 2 minggu penanaman. Baja perlu diberi secara tabur (pembajaan pertama). Seterusnya, tanaman boleh dibaja dengan menggunakan baja sebatian NPK 12:12:17 sebanyak 35 g/m² setiap sebulan sekali. Butiran baja tidak boleh terkena pada pokok ketika membaja kerana boleh mengakibatkan tanaman menjadi lecur.

Pemangkasan

Pemangkasan ke atas tanaman *Gomphrena pulchella* adalah di peringkat minimum, secara selektif dan kadangkala perlu dilakukan pada sesetengah dahan yang patah ketika peringkat pertumbuhannya. Sekiranya perlu, pemangkasan hendaklah dilakukan ke atas tanaman sebaik sahaja selepas kemuncak pembungaan bagi menggalakkan pertumbuhan tunas dan bunga baharu.

Kesimpulan

Gomphrena pulchella sangat sesuai dijadikan tanaman hiasan di dalam pasu atau bekas tanaman. Spesies eksotik ini sesuai ditanam secara monokultur atau bercampur dengan tumbuhan saka yang lain di kawasan landskap taman. Penggunaan *Gomphrena pulchella* sebagai spesies eksotik pilihan dalam mereka bentuk landskap taman merupakan salah satu usaha menambahkan lagi kepelbagaian spesies dan pilihan tanaman landskap negara ini. Sifat tanaman yang rajin mengeluarkan bunga, berstruktur menarik dan bertekstur daun sederhana lembut mampu menyerlahkan lagi nilai estetika landskap taman. *Gomphrena pulchella* mudah dibiak secara keratan dan sekiranya keperluan amalan kultur bagi pertumbuhan tanaman ini diikuti, ia berupaya tumbuh dengan baik dan menjadi tanaman hiasan taman berkualiti walaupun berada dalam persekitaran yang berbeza dengan habitat asalnya.

Penghargaan

Pengarang mengucapkan terima kasih kepada Pengarah, Pusat Penyelidikan Tanaman Industri, Dr. Rozlaily Zainol dan Pengarah, Pusat Penyelidikan Hortikultur, Dr. Johari Sarip kerana minat dan dorongan yang sangat bernilai dalam penyelidikan yang dijalankan. Setinggi-tinggi penghargaan juga buat kumpulan penyelidik dan ahli-ahli kumpulan kerja yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini

Bibliografi

- Dunnett, N. dan Hitchmough, J.D. (2004.). *The dynamic landscape; Design, ecology and management of naturalistic urban planting*. London: Spon Press
- Grey-Wilson, C. (2000). *The Royal Horticultural Society Practical Guides; Annuals and biennials*. London: Dorling Kindersley
- Grime, J.P. (2001). *Plant strategies, vegetation processes and ecosystem properties.*, England: John Wiley and Sons Ltd. Chichester
- Hanim, A. (2016). *Rahsia taman sentiasa berbunga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Hanim, A. dan Muhammad Aliff, F.A. (2016). Teknologi Multispesies Bunga-bunga Semusim. Dalam: *Inovasi Pertanian Bandar. Do it yourself*. Serdang: MARDI
- Kendle, A.D. dan Rose, J.E. (2000). The aliens have landed! What are the justifications for 'native only' policies in landscape planting? *Landscape and Urban Planning* 47: 19 – 31

Ringkasan

Gomphrena pulchella merupakan tanaman eksotik jenis saka berbunga cantik yang sesuai beradaptasi untuk dijadikan tanaman hiasan taman di negara ini. Melalui penyelidikan yang dilaksanakan oleh MARDI, *Gomphrena pulchella* boleh dibiak secara penyemaian biji benih dan keratan batang. Anak benih atau keratan batang perlu dibesarkan di dalam nurseri sebelum dipindahkan ke dalam pasu dan kawasan landskap taman terbuka. Di taman, tanaman eksotik ini berupaya tumbuh dengan subur dan sentiasa mengeluarkan bunga. Tanaman ini mempunyai daun berwarna hijau, bertekstur sederhana lembut, tersusun bertentangan dan berbentuk bujur runcing serta mengeluarkan bunga menarik iaitu berwarna merah jambu dan berbentuk bulat. Tanaman eksotik yang diperkenalkan ini berpotensi untuk pasaran tempatan kerana memberikan impak landskap taman yang menarik.

Summary

Gomphrena pulchella is an exotic flowering perennial plant species that can be adapted as an ornamental plant in this country. Through the research carried out by MARDI, *Gomphrena pulchella* can be propagated via seed sowing and stem cutting. The seeds and stems need to be grown in a nursery then transferred to a container and be placed in open gardens. In gardens, this exotic plant grows well and is free flowering. It has leaves that are; green, semi-soft textured, opposite arrangement, oblong shaped with narrow tips and produces attractive pink-globed flowers. This exotic plant has potentials for the local market as it gives a positive landscape impact.

Pengarang

Hanim Ahmad (Dr.)

Pusat Penyelidikan Tanaman Industri, Ibu Pejabat MARDI,
Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor

E-mel: hanim@mardi.gov.my

Hamdan Mohd Noor, Zulhazmi Sayuti (Dr.) dan Muhammad Aliff Fitri Azali

Pusat Penyelidikan Tanaman Industri, Ibu Pejabat MARDI,
Persiaran MARDI-UPM, 43400 Serdang, Selangor